

Headline **ERas alternatif percepat jalur lebar**
Date **26 Apr 2010**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Ekonomi**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **22**
Article Size **252 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **3,436**
PRValue **10,309**



ERas alternatif percepat jalur lebar

Pernec sedia komersial perkhidmatan sistem akses radio berfrekuensi 2.3 GHz

Zuraidah Mohamed

PERNEC Corporation Bhd, syarikat pelaburan Permodalan Nasional Bhd (PNB), mewujudkan aliran pendapatan baru daripada perniagaan telefon awam berbayarnya menerusi pelancaran produk inovatif yang dikenali sebagai eRas.

Pengarah Urusannya, Abdul Karim Abdul Sallam, berkata eRas iaitu perkhidmatan sistem akses radio yang diperluas, adalah penjenamaan semula platform teknologi WiWi (hibrid antara WiFi dan penyelesaian WiMAX) yang digunakannya.

Katanya, eRas, yang diperolehi daripada Mimos Bhd dan dilancarkan Mac lalu di Taman Teknologi Kuala Lumpur, kini bersedia untuk dikomersialkan di seluruh negara.

"Ia adalah penyelesaian WiFi dan WiMAX pertama di dunia yang beroperasi pada frekuensi 2.3 GHz yang direka sebagai alternatif untuk penyambungan jalur lebar peringkat akhir bagi mempercepatkan ekosistem jalur lebar Malaysia," katanya ketika ditemui pada Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2010 di Kuching, Sarawak.

Beliau berkata, Pernec memperoleh Lesen Penyedia Perkhidmatan Rangkaian daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bulan lalu yang membolehkan telefon awam berbayar dikendalikan anak syarikatnya, Pernec PayPoint Sdn Bhd menawarkan perkhidmatan jalur lebar melalui perkhidmatan itu.

"eRas bersedia sepenuhnya untuk dikomersialkan di seluruh negara. Kami memanfaatkan peranan kami sebagai rakan teknologi MSAM 2010

untuk mempamer dan mempromosikan produk ini," katanya.

Kumpulan itu mengendalikan kira-kira 35,000 telefon awam berbayar di seluruh negara di bawah jenama 'helo'.

"Perkhidmatan ini boleh digunakan di kawasan bandar dan luar bandar. Bagaimanapun, bagi kawasan bandar, pelaksanaannya lebih mudah memandangkan kabel gentian optik boleh digunakan untuk menghubungkan telefon berbayar Pernec yang bermakna kapasitinya lebih tinggi.

"Bagi kawasan luar bandar, penyambungan boleh dilakukan tanpa wayar menggunakan perkhidmatan 3G atau WiMAX yang ditawarkan penyedia perkhidmatan semasa," katanya.

Pernec, syarikat teknologi maklumat dan telekomunikasi memperkenalkan perkhidmatan inovatif bulan lalu yang membolehkan pelanggan telefon mudah alih prabayar Celcom menambah nilai kredit mereka menerusi telefon awam berbayarnya itu.

Abdul Karim berkata, pada masa ini terdapat kira-kira 1,500 telefon awam berbayar Pernec yang membolehkan pengguna menambah nilai

Helo XPax di Lembah Klang, Johor Bahru, Negeri Sembilan dan Melaka.

Katanya, Pernec juga merancang memperluaskan perkhidmatan ke kira-kira 4,000 telefon awam berbayarnya, khususnya di kawasan luar bandar.



“ Ia adalah penyelesaian WiFi dan WiMAX pertama di dunia yang beroperasi pada frekuensi 2.3 GHz yang direka sebagai alternatif untuk penyambungan jalur lebar peringkat akhir bagi mempercepatkan ekosistem jalur lebar Malaysia”

**Abdul Karim
Abdul Sallam**
Pengarah Urusan Pernec
Corporation Bhd